

## Kesedaran ESG Dalam Kalangan PKS Meningkat Enam Kali Ganda: Laporan ESG 2.0 Alliance Bank

**Kuala Lumpur, 21 Januari 2025** – Alliance Bank Malaysia Berhad (“Alliance Bank” atau “Bank”) hari ini melancarkan edisi kedua laporan tinjauan ESG tahunannya yang bertajuk “The Path to Sustainable Impact - Sectoral Insights of Malaysian SMEs” (“Laporan ESG 2.0”) yang melaporkan peningkatan kesedaran ESG sebanyak enam kali ganda dalam kalangan PKS di Malaysia. Sejak dua tahun lalu, kadar kesedaran telah melonjak daripada 14% kepada 80%. Peningkatan ini menunjukkan lonjakan pengiktirafan dalam kalangan PKS berhubung kepentingan kemampanan dalam landskap perniagaan yang kompetitif pada hari ini. Laporan tersebut telah dilancarkan secara rasmi oleh YB Nik Nazmi Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam di Simposium SME ESG START 2025 yang diadakan di Monash University Malaysia.

Berdasarkan kejayaan laporan sulung Bank pada tahun 2023, laporan ESG 2.0 telah dilancarkan dengan kerjasama Monash University Malaysia (“Monash University”) dan Zurich Malaysia (“Zurich”) sebagai rakan kongsi pengetahuan; dan dengan UN Global Compact Network Malaysia & Brunei (“UNGCMYB”), SME Corporation Malaysia (“SME Corp. Malaysia”) serta INCEIF University sebagai rakan kongsi sokongan. Laporan ESG 2.0 menyelidiki kemajuan PKS Malaysia dalam perjalanan kemampanan industri dan menyediakan pandangan penting tentang landskap semasa berkenaan kesediaan PKS untuk memenuhi permintaan kawal selia, pasaran dan kewangan yang sentiasa berubah sambil membuka peluang pasaran baharu. Kajian ini menggunakan pendekatan tiga langkah iaitu perbincangan dan temu bual yang mendalam, tinjauan yang melibatkan hampir 400 orang peserta PKS serta pandangan daripada penyelidikan sekunder.

Mengulas tentang kepentingan penggunaan ESG dalam kalangan PKS, YB Nik Nazmi Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam berkata, “Saya memuji usaha Alliance Bank, dengan kerjasama rakan kongsi pengetahuan dan rakan kongsi sokongan, dalam menerajui laporan penyelidikan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (“ESG”) terbaru ini yang menyokong usaha PKS Malaysia untuk menyepadukan amalan kelestarian. Memandangkan PKS merupakan tulang belakang ekonomi kita, usaha ini memainkan peranan penting dalam mengukuhkan cita-cita ESG Malaysia, memupuk daya tahan dan menyediakan perniagaan untuk merebut peluang di peringkat tempatan dan global.”

“Laporan ini merupakan sumber yang penting dan tepat pada masanya dengan memberikan pandangan yang praktikal dan panduan yang strategik untuk membantu PKS mengurus risiko ESG dengan berkesan, membezakan diri mereka dalam pasaran yang kompetitif, dan berkembang maju di peringkat tempatan dan global. Penerbitan ini amat dialu-alukan memandangkan Malaysia menyandang jawatan Pengerusi Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (“ASEAN”) pada tahun 2025 dan PKS memainkan peranan penting dalam ekonomi serta agenda ESG di rantau ini. Bersama-sama, kita boleh membina masa depan yang lebih hijau dan lebih mampan untuk generasi akan datang,” tambah Nik Nazmi.

Berkongsi sentimen yang sama, Encik Kellee Kam, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Alliance Bank berkata, “Ketika kami terus memperjuangkan penerimaan ESG, kami komited untuk memperkasakan PKS Malaysia melalui pendekatan 3A kami iaitu Advocacy, Advice and Answers atau Sokongan,

Nasihat dan Jawapan, bagi membantu mereka menyepakatkan amalan ESG sebagai pemasu utama daya tahan dan kejayaan jangka panjang. Peningkatan yang ketara dalam kesedaran dan penerimaan sejak laporan ESG pertama kami menyerlahkan tumpuan yang menggalakkan terhadap kemampunan, kerana PKS sentiasa mencari kecekapan kos dan peluang untuk meluaskan pasaran mereka.”

“Edisi kedua tinjauan ESG tahunan ini menawarkan pandangan yang lebih mendalam tentang arah aliran baru muncul dan cabaran sektor secara khusus, sambil mengenal pasti bidang untuk pertumbuhan dan penambahbaikan. Bersama-sama dengan rakan kongsi pengetahuan, kami menyediakan garis panduan ESG yang jelas dan mudah diakses untuk menyokong PKS dalam perjalanan ESG mereka, selaras dengan usaha kami untuk menjadi The Bank For Life. Penemuan daripada ESG 2.0 juga membolehkan Alliance Bank membangunkan penyelesaian tersuai yang memenuhi keperluan unik PKS pada setiap peringkat perjalanan, seterusnya membantu PKS mencapai cita-cita ESG dan kekal berdaya tahan dalam landskap perniagaan yang semakin kompleks,” tambah Encik Kam.

Laporan ESG 2.0 mendedahkan bahawa PKS yang melaksanakan amalan ESG menyebut penjimatan kos, permintaan pasaran dan inovasi sebagai pendorong utama untuk menyepakatkan amalan mampan ke dalam operasi mereka, dengan 60% daripada PKS kini menyertai inisiatif ESG. Mereka mengiktiraf nilai jangka panjang amalan ESG, termasuk pengurusan risiko yang lebih baik dan peningkatan produktiviti. Di samping itu, PKS Malaysia kini menyebut “inovasi” sebagai pemasu 3 Teratas bagi penggunaan ESG, menonjolkan peluang perniagaan dan pasaran baharu untuk PKS. Tambahan pula, 38% daripada PKS yang telah menerima kemampunan dalam perniagaan mereka melaporkan peningkatan hasil lebih daripada 50%. Baki 40% PKS yang dikaji yang masih belum menerima pakai amalan ESG (bukan penerima ESG) menyatakan kesediaan untuk melaksanakan amalan ESG jika diberikan bantuan kewangan, tajaan latihan dan insentif cukai.

“Sebagai sebuah universiti, Monash bukan sekadar penyedia pengetahuan, tetapi sebuah institusi utama yang menyediakan faedah ekonomi, sosial dan saintifik kepada komuniti tempatan, nasional dan antarabangsa. Kami berbesar hati dapat bekerjasama dengan Alliance Bank dalam perkongsian penting untuk menerbitkan laporan ESG ini yang memberikan pandangan yang bernilai tentang penggunaan amalan Kelestarian dan ESG dalam kalangan PKS Malaysia,” kata Professor Emeritus Dato' Dr Adeeba Kamarulzaman, Presiden dan Pro Naib Canselor, Monash University Malaysia.

“Kajian ini turut mendedahkan perbezaan mengikut sektor dalam penggunaan ESG di mana PKS dalam sektor pembuatan menunjukkan penggunaan yang lebih mantap berbanding sektor perkhidmatan. Ini menekankan kepentingan dasar khusus mengikut sektor dan keperluan untuk pendekatan yang disesuaikan oleh institusi kawal selia, kewangan dan pendidikan untuk meningkatkan penggunaan ESG di Malaysia. Monash University Malaysia berharap dapat bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk membantu PKS Malaysia mengemudi perjalanan ESG mereka,” tambah Professor Emeritus Dato' Dr Adeeba.

Junior Cho, Ketua Pegawai Eksekutif Negara Zurich Malaysia berkata, “Zurich sentiasa berada di barisan hadapan dalam usaha kemampunan. Kami berbangga dapat bekerjasama dengan Alliance Bank untuk memperkasakan PKS dengan alatan yang mereka perlukan untuk berkembang maju dalam dunia yang dipacu ESG. Laporan ini merupakan satu lagi langkah dalam perjalanan kami untuk menyokong PKS ke arah membina masa depan yang berdaya tahan dan mampan. Kami percaya dengan potensi PKS untuk membawa perubahan positif dan kami komited untuk memberi sokongan dalam setiap langkah yang mereka laksanakan. Bersama-sama, kita mengorak langkah yang penting ke arah merealisasikan visi ini dan memperkasakan PKS untuk memacu pertumbuhan yang mampan dan mencipta masa depan yang lebih cerah.”

Penemuan utama laporan ESG 2.0 ialah:

- Peningkatan Penggunaan ESG: 60% daripada PKS kini melaksanakan amalan ESG, peningkatan ketara daripada 28% dalam ESG 1.0, dengan didahului oleh sektor pembuatan

- (69%) dan pembinaan (60%). Satu anjakan yang menarik berbanding tinjauan terdahulu telah diperhatikan apabila 37% daripada pengguna ESG berkata sekarang terdapat terlalu banyak maklumat tentang ESG, mengakibatkan kekeliruan mengenai piawaian dan rangka kerja kemampanan yang perlu diikuti (ESG 1.0: 13%);
- Penggalak Utama: 53% dan 51% daripada pengguna ESG masing-masing menyebut penjimatan kos dan permintaan pasaran sebagai pemacu utama, dengan “inovasi” kini disebut sebagai 3 sebab Teratas sebagai laluan kepada keuntungan;
  - Manfaat penggunaan ESG: 38% daripada PKS yang menggabungkan ESG mencapai peningkatan hasil melebihi 51% manakala 24% daripada PKS yang menggabungkan ESG mencapai penjimatan kos melebihi 51%;
  - Peluang Masa Depan: Pada masa ini, 1 daripada 2 PKS (48%) membiayai sendiri inisiatif ESG mereka, dan dalam kalangan bukan penerima pakai, 52% bercadang untuk melaksanakan amalan ESG dalam tempoh 2 tahun, di mana 13% berhasrat untuk menerima pakai dalam masa kurang daripada setahun. Hal ini memberikan peluang kepada pelbagai pihak berkepentingan industri untuk menyokong peralihan kelompok PKS ini.

Alliance Bank terus memperkasakan PKS dalam perjalanan ESG mereka dengan rangkaian penyelesaian kewangan peribadi dan perbankan yang menyeluruh. Ini termasuk pilihan pembiayaan tersuai, akses kepada pembiayaan hijau melalui Kemudahan Peralihan Karbon Rendah dan Kemudahan Teknologi Tinggi dan Hijau Bank Negara Malaysia serta kadar yang kompetitif untuk inisiatif seperti pemasangan panel solar dan gadai janji hijau. Selain pembiayaan, Bank bekerjasama dengan pemimpin industri yang memiliki pandangan yang serupa seperti Bursa Malaysia dan UNGCMYB untuk menyampaikan penilaian ESG yang praktikal, program pembinaan kapasiti dan pelan hala tuju bagi melengkapkan PKS dengan alatan yang diperlukan untuk menyepadukan amalan mampan dalam operasi mereka. Bank juga bekerjasama dengan para penyedia penyelesaian hijau untuk menawarkan penyelesaian ESG yang pragmatik seperti kecekapan tenaga, pengurusan air yang lebih baik dan penyelesaian pengurusan sisa yang lebih mampan.

Alliance Bank bakal melancarkan satu siri buku panduan mengikut sektor pada tahun 2025-2026 yang menyediakan petunjuk yang boleh diambil tindakan dan amalan terbaik untuk PKS meliputi sektor utama seperti perkhidmatan, pembuatan, pembinaan dan pertanian. Buku panduan ini direka bentuk untuk memperkasakan perniagaan dengan alatan dan pemahaman yang diperlukan untuk menyusun matlamat kemampanan mereka dengan berkesan.

Sebagai sebahagian daripada agenda kemampanan, matlamat Bank adalah untuk memperoleh perniagaan perbankan mampan yang baharu bernilai RM15 bilion menjelang TK2027. Sehingga kini, Bank telah mencatatkan perniagaan perbankan mampan baharu bernilai RM13.6 bilion sejak TK2022.

Laporan ESG 2.0 ini boleh dimuat turun dari pautan menggunakan kod QR ini:



Laporan ini akan disediakan dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina tidak lama lagi.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang laporan ESG 2.0 dan inisiatif kemampanan Alliance Bank, sila layari [www.alliancebank.com.my/esg-sme-survey-2025](http://www.alliancebank.com.my/esg-sme-survey-2025)

### **Tentang Alliance Bank Malaysia Berhad**

Alliance Bank berusaha untuk menawarkan penyelesaian kewangan dan bukan kewangan yang berbeza merentasi sektor pengguna, PKS, korporat, komersial dan perbankan Islam. Menerusi matlamat jenama 'The Bank For Life', Alliance Bank komited untuk memenuhi keperluan pelanggan yang sentiasa berubah dengan menjadi rakan kongsi perbankan yang boleh dipercayai sepanjang hayat mereka.

Dengan visi sebagai perbankan yang mengutamakan komuniti, Alliance Bank melibatkan diri secara menyeluruh dengan komuniti melalui pendekatan berbilang saluran. Pelanggan boleh berinteraksi dengan Alliance Bank melalui rangkaian cawangan runcit, Pusat Perbankan Privilege, Pusat Perniagaan dan perkhidmatan perbankan Digital yang menyeluruh. Bank berhasrat untuk menjalin hubungan yang bermakna dalam komuniti di mana ia beroperasi.

*Untuk maklumat lanjut tentang siaran akhbar ini, sila hubungi Eddy Teh di 017-758 6519, atau e-mel [eddyteh@alliancecfg.com](mailto:eddyteh@alliancecfg.com).*

### **Tentang Monash University Malaysia**

Monash University Malaysia, ditubuhkan pada tahun 1998, merupakan kampus ketiga terbesar bagi universiti terbesar di Australia dan kampus universiti asing pertama di Malaysia. Kami adalah sebuah universiti penyelidikan intensif terkemuka di Australia yang tersenarai di antara 50 universiti terbaik di dunia oleh QS World University Rankings 2024 dan ahli Kumpulan Lapan (Go8) yang berprestij di Australia. Monash University juga tersenarai di kedudukan ke-58 dalam Times Higher Education World University Rankings terkini. Sebagai sebuah universiti yang diakreditasi secara sendiri, kami menawarkan persekitaran yang antarabangsa dan kaya dengan budaya, dengan kira-kira 11,000+ pelajar dari 85 negara. Monash University Malaysia, termasuk Sekolah Perubatan dan Sains Kesihatan Jeffrey Cheah, dimiliki sepenuhnya dan dioperasikan oleh Monash University sejak tahun 2020.

### **Tentang Zurich Malaysia**

Zurich Malaysia adalah istilah rujukan kolektif bagi anak-anak syarikat Zurich Insurance Group (Zurich) yang beroperasi di Malaysia: Zurich General Insurance Malaysia Berhad, Zurich Life Insurance Malaysia Berhad, Zurich General Takaful Malaysia Berhad dan Zurich Takaful Malaysia Berhad. Zurich Malaysia menawarkan pelbagai penyelesaian insurans dan takaful yang komprehensif; membantu individu dan juga pemilik perniagaan memahami dan melindungi diri, perniagaan dan juga asset mereka daripada risiko. Zurich Malaysia mempunyai rangkaian cawangan bersepadu di bandar-bandar utama di seluruh negara dan juga agensi dan saluran pengedaran yang berdedikasi di seluruh negara untuk memenuhi keperluan pelanggan. Untuk maklumat lanjut mengenai Zurich Malaysia, layari [www.zurich.com.my](http://www.zurich.com.my).